

17 FEB 1999

Abu Hassan-Sabah

PENGGILIRAN KETUA MENTERI SABAH ALTERNATIF TERBAIK

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar menyifatkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah merupakan alternatif terbaik kepada semua kaum di negeri itu.

Katanya sistem itu merupakan yang terbaik dalam konteks negeri Sabah, yang dapat menjamin peluang kaum-kaum utama di negeri berkenaan.

"Tidak ada alternatif lain dan itulah yang terbaik," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Hari Raya dan majlis penyampaian Sijil Seumur Hidup Persatuan Kebajikan Islam Melawati di masjid Al-Hidayah, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas bahawa sistem penggiliran Ketua Menteri itu, yang diperkenalkan selepas pilihan raya 1994, tetap akan diteruskan selepas pilihan raya negeri yang akan datang ini.

Sistem penggiliran itu dimulakan dengan kaum Bumiputera Islam daripada Umno menjadi Ketua Menteri, iaitu Tun Sakaran Dandai pada 17 Mac 1994 dan apabila beliau dilantik menjadi Yang Dipertua Negeri Sabah, jawatan Ketua Menteri diambil alih oleh Datuk Seri Salleh Said, sehingga penggal dua tahun berakhir pada 28 Mei 1996.

Jawatan Ketua Menteri kemudiannya diambil alih oleh kaum Cina menerusi Parti Maju Sabah, Presidennya Datuk Yong Teck Lee memegang jawatan Ketua Menteri sehingga 28 Mei 1998 dan diikuti oleh Tan Sri Bernard Dompok yang mewakili kaum Bumiputera bukan Islam sehingga kini.

Abu Hassan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor berkata beliau bersama-sama Umno Selangor akan turun membantu jentera pilihan raya pada penamaan calon nanti dan sama-sama membantu berkempen.

"Pada masa ini, beberapa anggota Umno Selangor telah pun di tempatkan di Tuaran untuk membantu kempen BN di kawasan berkenaan," katanya.

Abu Hassan berkata dua kawasan dipertanggungjawabkan kepada Umno Selangor, iaitu Kota Belud dan Tuaran dan beliau yakin Barisan Nasional akan meraih kemenangan pada pilihan raya negeri itu nanti.

-- BERNAMA

MS RI